

21 MAY 1997

Mahathir-pemangku

MAHATHIR KATA BELIAU TIDAK BUAT PERSIAPAN UNTUK UNDUR

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu peserta persidangan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini bahawa tugas memangku sebagai Perdana Menteri yang dijalankan oleh timbalannya ketika beliau bercuti panjang, bukan sebagai persediaan bagi beliau untuk berundur.

Kepada satu soalan seorang peserta seminar pelabur MSC di sini, Dr Mahathir memulakan jawapannya dengan berkata "tidak" tetapi mengakui bahawa masanya akan tiba "pada satu peringkat nanti" apabila tugas beliau sebagai Perdana Menteri akan berakhir.

"Tidak, tidak benar bahawa saya sedang membuat persiapan untuk menyerah kuasa, tetapi hakikatnya ialah pada satu hari nanti, saya akan berhenti juga menjadi Perdana Menteri sama ada oleh sebab biasa atau sukarela," katanya.

Dr Mahathir kemudian berkata : "Tidak mungkin seseorang itu terus menjadi Perdana Menteri selepas dia meninggal dunia."

Persidangan sehari itu merupakan kemuncak lawatan lima hari beliau untuk mempromosikan projek MSC. Ia dihadiri lebih 800 tokoh universiti dan industri Britain serta juga usahawan Malaysia yang sedang mencari rakan kongsi dalam projek itu.

Dalam perbualan yang dihubungkan melalui satelit dengan Cardiff, ibu negara Wales, Dr Mahathir diberitahu oleh pengerusi Welsh Development Authority bahawa wawasan MSC Malaysia merupakan satu "projek terbaik dan paling berani di dunia hari ini".

Soalan yang paling kerap ditanya oleh mereka yang hadir di Dewan Besar Imperial College serta di Cardiff ialah bagaimana mereka boleh menyertai program berkenaan.

Seorang penyoal dari Turkey ingin tahu sama ada Malaysia akan memberi keutamaan dalam MSC bagi negara-negara kurang membangun berbanding gergasi dalam teknologi maklumat seperti Amerika Syarikat.

Dr Mahathir menjawab bahawa MSC menawarkan peluang sama rata kepada semua tanpa perlindungan khas kepada syarikat-syarikat kecil kerana sesetengah daripada gergasi multimedia pun bermula dari syarikat kecil sebelum menjadi syarikat besar seperti sekarang.

"Jika kita mula melindungi syarikat kecil, syarikat besar tentu tidak datang," kata Dr Mahathir.

Katanya dari sini beliau akan pergi ke pantai timur Amerika Syarikat untuk menemui beberapa syarikat yang telah menyatakan minat menyertai MSC dan "yang ingin mengadakan dialog dengan kami".

Beberapa kontrak telahpun ditandatangani dan pelbagai pengakuan telah dinyatakan oleh syarikat-syarikat ini, kata Dr Mahathir tanpa menyebut tarikh lawatan beliau itu.

Mengenai penggunaan kemudahan baru multimedia di MSC, beliau berkata penapisan tidak akan dilakukan tetapi sebarang operasi perlu mengambil kira persekitaran pelbagai kaum yang sensitif seperti di Malaysia.

Ketika ditanya oleh pemberita dari Financial Times bagaimana beliau dapat melaksanakan jaminannya untuk tidak mengenakan penapisan dalam MSC sedangkan tahun lepas beliau meminta akhbar melindungi orang ramai daripada propaganda asing, beliau menjawab :

"Saya berpendapat kebebasan akhbar bukannya satu lesen untuk melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan masyarakat. Akhbar harus bersetuju untuk mengenakan penapisan sendiri atau sekurang-kurangnya menjadi

bertanggungjawab."

Seorang penyoal bertanya sama ada Malaysia mempunyai "budaya yang secocok" untuk meneroka ke dalam multimedia jika dibandingkan dengan multimedia di California di Pantai Barat Amerika Syarikat yang budayanya ialah "rock and roll?"

"Malaysia tidak mempunyai budaya seperti itu tetapi MSC boleh memilikinya," kata Dr Mahathir. "Sebab itulah kita memilih sektor tertentu untuk ini. Kita perlu menunggu apakah yang akan berlaku kepada masyarakat apabila kita memperkenalkan kebebasan yang disusuli dengan pergerakan maklumat secara bebas".

Beliau berkata ada beberapa perkara yang belum dibincangkan dengan negara-negara ASEAN pada sidang kemuncak akan datang bagi meneroka bidang-bidang kerjasama.

Mengenai undang-undang siber, Dr Mahathir berkata buat masa ini, ada beberapa aspek undang-undang itu yang menyentuh pembangunan multimedia dan digunakan di beberapa negara.

Ketika membuat kesimpulan terhadap keadaan yang Malaysia akan hadapi dalam mendepani cabaran MSC dan bentuk percubaan seperti ini, beliau berkata Kita akan menemui perkara-perkara tertentu yang perlu dilindungi oleh undang-undang tertentu".

Ketika menjawab soalan mengenai kedudukan Telekom Malaysia sebagai pembekal kepada MSC, Dr Mahathir berfikir sejenak mengenai bidang-bidang yang belum diterokai.

Beliau berkata Telekom Malaysia akan dipanggil untuk menjadi tulang belakang projek tetapi kemudahan tambahan nilai akan disediakan oleh syarikat yang berasingan.

"Mengenai saingan pada masa depan, kami menjangka bahawa ia tidak dapat dielakkan. Kami tidak tahu bagaimana untuk menghadapinya buat masa ini tetapi semua pihak ... akan menikmati hasilnya".

Ketika ditanya sama ada beliau menghadapi masalah berhubung dengan perkongsian teknologi dari negara tertentu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak menghadapinya tetapi dalam pada itu, beliau tidak akan meminta supaya syarikat-syarikat yang menyertai MSC berkongsi teknologi dengan Malaysia.

Beliau berkata: Ia juga berganrtung tentang bagaimana anda menggunakan pendekatan terhadap orang-orang ini. Kadang-kala pujukan mungkin membantu, kadang-kala "arm twisting".

Dr Mahathir memberitahu persidangan media bahawa universiti multimedia yang dimulakan oleh Telekom Malaysia, terbuka kepada semua pihak.

"Kami telah meminta Telekom Malaysia memulakannya tetapi fakulti boleh ditubuhkan oleh sesiapa...syarikat lain yang berminat menawarkan pendidikan membabitkan multimedia dan teknologi maklumat boleh menyertainya sama ada secara kumpulan atau sendiri.

Semua infrastruktur asas yang diperlukan akan disediakan. Mungkin ada institusi lain yang mungkin ditubuhkan oleh syarikat lain jika mereka berhasrat berbuat demikian".

Beliau berkata penubuhan universiti multimedia menandakan bermulanya perubahan penekanan dalam pendidikan di Malaysia daripada pendidikan beridentiti nasional kepada sistem terbuka yang memungkinkan semua pihak mempunyai akses kepada pengetahuan melalui kaedah elektronik.

Dr Mahathir berkata adalah sukar untuk mengawal pendidikan di negara walaupun jika beliau bersedia mengaku bahawa ia berupa "instrumen penting" bagi identiti nasional.

"Untuk mengawal pendidikan memang mustahil. Orang akan pergi ke mana sahaja untuk menimba ilmu."

Mengenai masa depannya, Dr Mahathir berkata ia tidak dilihat dalam konteks pertambahan jumlah penuntut di kampus tetapi pertambahan jumlah penuntut yang memiliki ijazah.

Peranan multi media ialah memperkenalkan bahan pengajaran yang mudah diikuti supaya ramai orang dapat menimba ilmu dalam era teknologi maklumat.

Pendidikan bukan sahaja untuk mereka yang dikurniakan kecerdasan akal tetapi juga bagi mereka yang mempunyai separuh kecerdasan akal, kata beliau.

Dr Mahathir berseloroh apabila beliau mengimbas kembali zaman semasa menuntut di universiti apabila beliau kadang-kala bukan sahaja sukar mengikuti apa yang diajar oleh pensyarah tetapi kadang-kala tidak dapat membaca tulisannya sendiri.

Terdahulu, mengenai penapisan internet, beliau berkata sesetengah pihak telah memperkenalkan perisian untuk menapis kandungan internet tetapi ini boleh menimbulkan masalah dengan 'Sussex, Middlesex dan Essex' katanya disambut dengan tepukan gemuruh.

Dr Mahathir juga memberi jawapan mengapa wawasan cuma setakat 2020 dan tidak melangkaui 2020.

"kami menetapkan 2020 kerana saya seorang doktor perubatan dan saya faham, makna yang tersirat disebalik 2020. Jika lebih daripada itu, wawasan saya boleh tidak sebaik itu," kata beliau. -- BERNAMA

WAH FAZ